

16 MAR 2002

Mahathir-Rusia (Bergambar)/I

DR MAHATHIR AKHIRI LAWATAN KE RUSIA DENGAN KEJAYAAN

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 16 Mac (Bernama) -- Di tengah-tengah kesejukan di sini, Malaysia dan Rusia meningkatkan hubungan mesra antara kedua-dua buah negara dengan prospek mengukuhkan lagi hubungan dua hala dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lawatan rasmi tiga harinya ke sini begitu berjaya.

"Terdapat keinginan antara pihak kedua-dua buah negara untuk bekerja sama," katanya pada sidang media yang dihadiri wartawan Malaysia dan Rusia sebelum berlepas untuk lawatan tiga hari ke Stuttgart, Jerman.

Dr Mahathir yang mengadakan perbincangan dengan Presiden Rusia Vladimir Putin di Kremlin, berkata beliau mendapati pemimpin Rusia itu mempunyai keinginan besar untuk memastikan negara 145 juta penduduk itu mengekalkan kedudukannya di dunia.

"Dia ternyata seorang pemimpin kuat yang saya percaya dapat mengembalikan Rusia kepada kedudukan unggul," kata Dr Mahathir. Putin telah menerima jemputan Dr Mahathir untuk melawat Malaysia.

Dr Mahathir berkata Perdana Menteri Rusia Mikhail Kasyanov telah memberi reaksi positif semasa perbincangan semalam berhubung cadangan supaya Moscow membantu mengemukakan pandangan negara-negara membangun mengenai isu ekonomi global pada mesyuarat-mesyuarat Kumpulan Lapan (G8).

Apabila diminta membezakan situasi lawatannya pada 1987 semasa era Soviet Union dan sekarang, Perdana Menteri berkata telah berlaku perubahan besar dalam pemahaman mereka mengenai pasaran bebas serta proses demokrasi.

"Rusia telah melangkah jauh ke depan dan saya agak yakin hasilnya kelak ialah persekutuan Rusia akan kembali menjadi salah sebuah kuasa besar," katanya.

Menjawab satu lagi soalan sama ada perlu bagi Rusia menjadi sebuah kuasa besar untuk mengimbangi kuasa Amerika Syarikat, beliau berkata: "Saya berpendapat adalah penting bagi semua perkara seimbang dalam kehidupan".

"Jika satu bahagian badan sahaja berat, besar kemungkinan anda akan tumbang. Oleh itu dalam hal ehwal antarabangsa perlu adaimbangan kuasa," katanya.

Perkara ini telah diamalkan di Eropah sejak dulu di mana mereka mempunyaiimbangan kuasa kerana jika hanya satu pihak mendominasi, ada kecenderungan mereka terlalu menguasai dan tidak bertimbang rasa terhadap yang lain, katanya.

"Maka jika Rusia dapat mengimbangi semula kuasa negara lain, saya percaya ia akan membenarkan negara-negara lemah membuat pilihan untuk memihak," katanya.

Beliau menyamakan keadaan itu seperti mata manusia.

"Kita mempunyai dua mata, bayangkan jika kita hanya mempunyai satu mata, anda tidak akan dapat mengagak kedalaman dan akibatnya anda akan jatuh tangga," katanya.

Selain bertemu pemimpin-pemimpin Rusia, Dr Mahathir turut melawat Pusat Meteorologi hidro dan Pemantau Alam Sekitar Rusia (Rosgidromet) dan Institut Kimia Bio-Organik Shemyakin-Ovchinnikov.

Beliau juga berjumpa masyarakat Islam dan menunaikan fardu Jumaat di Masjid Perfect Mira selain menyaksikan penerbangan demonstrasi pesawat Sukhoi SU30 yang sedang dipertimbangkan untuk dibeli oleh Malaysia.

Dr Mahathir turut berucap pada forum perniagaan Malaysia serta bertemu pelajar Malaysia yang belajar bidang perubatan di Rusia.

-- BERNAMA

AZZ HS MOZ